



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA BILANGAN 2 TAHUN 2021

KUALA LUMPUR, 23 NOVEMBER 2021 – Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2021 yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah diadakan di Kuala Lumpur hari ini secara maya.

Mesyuarat yang bersidang buat kali ketiga ini telah mempertimbangkan tiga (3) cadangan merangkumi Penubuhan Konsortium Perikanan Laut Dalam, Pengukuhan Kawalan Biosekuriti Agromakanan Melalui Penubuhan *One Stop Quarantine Center* (OSQC) serta Pewartaan Cili Merah Sebagai Barang Kawalan Bagi Pengurusan Data Yang Lebih Komprehensif dan Efektif.

Prestasi Negara yang menunjukkan peningkatan sembilan (9) anak tangga dengan menduduki tangga ke-39 dalam *Global Food Security Index* (GFSI) 2021 turut dilaporkan dalam mesyuarat pada kali. Selain itu, mesyuarat juga mengambil maklum perkongsian mengenai Kemudahan Makmal Dalam Menyediakan Perkhidmatan Analisis Makanan Negara.

Scorecard yang dibangunkan khusus untuk memantau pelaksanaan lima (5) teras strategik dalam Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 berasaskan pendekatan kluster turut dipersetujui.

Idea serta saranan yang diketengahkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ini akan diperhalusi dan ditambahbaik sebelum diangkat untuk pertimbangan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang dijangka akan bersidang dalam masa terdekat.

Keahlian Jawatankuasa Eksekutif terdiri daripada Ketua-ketua setiausaha kementerian/Ketua-ketua jabatan dan agensi, ahli-ahli akademik, pemain-pemain industri serta badan bukan kerajaan (NGO). Diharapkan komitmen dan kerjasama padu merentasi agensi dan kementerian dalam aspek sekuriti makanan dapat diteruskan menerusi platform ini.

Jemputan mesyuarat pada kali ini merangkumi Exco-Exco Pertanian, Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) dan Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah (MAF). Penglibatan kerajaan negeri

merupakan pemangkin kepada sinergi antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam memacu agenda sekuriti makanan negara secara menyeluruh ke arah meningkatkan kemakmuran "Keluarga Malaysia".

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
PUTRAJAYA**